



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL • CENTER FOR SHAPING AND
PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 11 Ogos 2022

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2021-2022

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2021-2022

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif (kecuali FTSM) dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 3 Sesi Akademik 2021-2022 akan diadakan pada 26 September hingga 2 Oktober 2022. Manakala bagi program FTSM, tarikh peperiksaan akhir pada 26 hingga 30 September 2022. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi sesuatu kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 3 Sesi Akademik 2021-2022 melalui SMPE mulai **5 hingga 11 September 2022**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015


Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4078 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/ukmshape>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Akademik

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Akademik



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4078 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/ukmshape>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my